

09 AUG 2003

KLCI-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLCI DALAM ALIRAN MENINGKAT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX,) mungkin berada dalam arah aliran meningkat minggu depan jika indeks tunai kekal teguh, kata seorang peniaga.

Katanya, pelabur-pelabur akan mengikuti dengan teliti prestasi Indeks Komposit (CI) pendasar Bursa saham Kuala Lumpur (BSKL), Wall Street dan senario ekonomi semasa.

"Kebanyakan pelabur menunggu-nunggu untuk melihat CI kekal pada tahap melebihi 722.21 pada masa ini," katanya.

Beliau menambah kata, kedua-dua pasaran hadapan dan tunai bersedia dari segi teknikal, untuk mencatat kenaikan lebih kukuh, dirangsang oleh keyakinan pelabur berikutan laporan positif mengenai ekonomi tempatan.

Peniaga itu berkata, pasaran mendapat semula lajukan dengan kenyataan positif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa peristiwa pengeboman di Jakarta tidak akan menjejaskan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara ini.

Malaysia dijangka menyaksikan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5 peratus tahun ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia telah mengambil langkah berjaga-jaga dan akan terus memperketatkan langkah keselamatan bagi memastikan peristiwa sedemikian tidak berlaku di negara ini.

Berbanding Jumaat lalu, kontrak bulan semerta Ogos`03 susut 12.7 mata kepada 713.9 dan bulan berdekatan Sept'03 turun 13.4 mata kepada 716.9.

Kontrak bulan sukuan tahun Dis'03 dan Mac'04 tidak diniagakan.

Sejumlah 5,510 lot diurus niaga minggu ini berbanding 9,483 lot minggu sebelumnya.

Kedudukan pembukaan berjumlah 4,821 kontrak, meningkat 4,001 kontrak Jumaat lalu.

CI ditutup 0.82 mata lebih rendah pada 722.21 Jumaat ini berbanding 723.03 yang dicatat pada akhir minggu lalu. -- BERNAMA

TNS FR KY AHM